

Huckle, pemangsa seks kanak-kanak termasuk dari Malaysia boleh dijel seumur hidup

Pedofilia Britain cabul bayi, budak

LONDON, BRITAIN – Pemangsa seks kanak-kanak atau pedofilia paling dahsyat di Britain, Richard Huckle (**gambar kecil**) berdepan hukuman penjara seumur selepas mengaku bersalah mencabul berpuluh-puluh kanak-kanak di Asia Tenggara termasuk Malaysia dalam tempoh hampir satu dekad, lapor akhbar *The Telegraph* kelmarin.


Huckle, 30, dari Ashford, Kent, Britain menyasarkan komuniti miskin di negara ini dan Kemboja untuk mencabul budak lelaki dan perempuan termasuk bayi seawal usia enam bulan.

Dalam perbicaraan di Mahkamah Jenayah Pusat England dan Wales kelmarin, Huckle mengaku bersalah terhadap 71 daripada 91 pertuduhan termasuk 23 kes membabitkan kanak-kanak di Malaysia.

Jika sabit kesalahan 22 daripada pertuduhan ke atasnya itu, dia boleh dihukum penjara seumur hidup.

Pasukan penyiasat Agensi Jenayah Nasional Britain (NCA) menyifatkan jenayah pedofilia yang dilakukan Huckle antara 2006 hingga Disember 2014 sebagai 'di luar jangkaan dan luar biasa', malah kemungkinan jumlah kanak-kanak dinodainya lebih daripada yang dilaporkan.

Kerani mahkamah berkenaan pula mengambil masa satu jam untuk membacakan semua per-



MAHKAMAH Jenayah Pusat England dan Wales mendengar kes Huckle yang dianggap pedofilia paling dahsyat di Britain.



tuduhan ke atas Huckle.

Lelaki itu yang bekerja di sebuah kilang telefon bimbit dan menyamar sebagai seorang yang patuh pada ajaran Kristian pertama kali datang ke Malaysia pada 2005.

Sewaktu di Malaysia, dia mendakwa sebagai guru bahasa Inggeris dan jurufoto sambilan.

Pada tahun berikutnya, dia berkunjung ke Kemboja. Semasa tinggal bersama sebuah keluarga tempatan, Huckle merakam gambar tidak senonoh anak mereka yang ketika itu berumur tiga tahun.



SEKEPING gambar yang disiarkan *Daily Mail Online* menunjukkan Huckle berada di sebuah rumah kebajikan di India untuk mengajar teknik fotografi kepada kanak-kanak di situ.

Lelaki itu kemudian mula datang ke Malaysia secara tetap.

Setakat ini, tiada bukti menunjukkan dia mencabul kanak-kanak di Britain tetapi pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan tersebut.

Huckle turut dilaporkan bergemah dengan jenayah yang dilakukannya kepada pemangsa seks lain di internet.

"Kanak-kanak miskin lebih senang digoda berbanding kanak-kanak kelas pertengahan di Barat," katanya dalam satu mesej di internet.

Dia menggunakan beberapa laman web sulit contohnya *PedoFunding* untuk menjual imej pencabulan itu dan menerima bayaran menggunakan mata wang siber, Bitcoin.

Pihak berkuasa Britain mula mengesan perbuatan Huckle pada pertengahan 2014 selepas menerima maklumat dari Australia tentang gambar-gambar yang disiarkan di laman web pedofilia.

Pihak NCA kemudian menghubungi pihak berkuasa Malaysia tetapi isu bidang kuasa menyebabkan agensi itu tidak dapat menangkap Huckle selagi dia berada di luar negara.

Agensi itu kemudian mendapat tahu bahawa Huckle merancang untuk pulang ke Britain untuk sambutan Hari Krismas dan menangkapnya selepas pesawat yang dinaikinya mendarat di Lapangan Terbang Gatwick dekat London pada 19 Disember 2014. – Agensi

INFO Mengenai Richard Huckle

- Richard Huckle ialah seorang lelaki warga Britain berusia 30 tahun.
- Dilahirkan dan dibesarkan di Kent, Britain, Richard dikatakan seorang yang suka bersendirian.
- Richard dikenali sebagai seorang jurugambar sambilan dan seorang guru sukarelawan yang mengajar bahasa Inggeris dan agama Kristian sejak meninggalkan UK pada tahun 2005.
- Sering mengembara sekitar Asia Tenggara dan mula jejak di Malaysia ketika berusia 18 tahun.
- Richard dikatakan menyasarkan kanak-kanak termasuk bayi berusia enam bulan sehingga 12 tahun.
- Mula dikesan melakukan perbuatan itu sejak tahun 2006 hingga 2014.
- Richard menghadapi 91 pertuduhan, termasuk terhadap 23 kanak-kanak di Kuala Lumpur, tempat dia menempatkan dirinya sebagai seorang guru bahasa Inggeris.
- Richard ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Gatwick di London pada Disember 2014 semasa pulang ke Britain dari Malaysia untuk sambutan Krismas.
- Dia mengaku menerima bayaran wang siber daripada komuniti pedofilia alam maya apabila dia memuat naik video mencabul mangsanya menerusi sebuah laman web dinamakan sebagai *PedoFunding*.